

16 OCT 2001

Hamid-Jihad

JIHAD UNTUK BANGUNKAN TEKNOLOGI DAN ILMU, KATA HAMID OTHMAN

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Kerajaan hari ini sedang berjihad untuk membangunkan teknologi dan ilmu, sebelum muncul sebagai sebuah negara Islam yang kuat, kata Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

Katanya, konteks jihad dalam dunia hari ini ialah untuk menguatkan umat Islam, kerana masih ada kerajaan Islam lain yang terlalu lemah sehingga terpaksa mengharap bantuan barat.

"Jihad yang diisytiharkan oleh pihak tertentu yang mendakwa mereka Islam lebih bermotifkan politik, bukannya jihad sebenar. Jihad kerajaan kita hari ini lebih kepada mempersiapkan diri dengan teknologi dan ilmu sebelum muncul sebagai negara Islam yang kuat," katanya pada sidang media selepas Majlis Ramah Mesra dan Dialog dengan kakitangan Kementerian Kerja Raya di sini hari ini.

Katanya, jihad tertinggi ialah kesanggupan untuk mengorbankan nyawa jika terpaksa berperang, tetapi Al-Quran sendiri menasihatkan umat Islam agar membuat persiapan secukupnya sebelum itu.

Katanya, kerajaan tidak menghalang rakyatnya yang hendak berperang ke Afghanistan, tetapi itu adalah perkara sia-sia kerana mereka yang ingin berjihad tidak melengkapkan diri dengan ilmu.

Mengenai majlis hari ini Abdul Hamid berkata: "Ada orang mendakwa mereka lebih Islam. Mereka menyatakan ini tak betul dari segi Islam, jangan bersyukur dan bawa orang ramai ke arah huru hara dan memecahkan politik Melayu."

"... tapi akhir-akhir ini telah naik dari landasan politik ke arah militan dan ini kita lihat amat membahayakan. Oleh itu kempen penerangan seperti majlis hari ini diperhebatkan."

Abdul Hamid berkata inilah juga punca yang menyebabkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam, padahal pada awalnya kerajaan mahu melakukan secara diam-diam soal sensitif.

"Dulu semasa kita nak lawan komunis yang bersifat militan, kita buat melalui penerangan supaya jangan terima dakyah oleh pihak yang menjalankan keganasan itu dan kita berjaya," katanya.

Dalam konteks Malaysia hari ini, di mana kerajaan Islam Malaysia sibuk membina teknologi dan ilmu, ada pihak (pembangkang) yang berminat mencelarkan fikiran umat Islam dengan hal remeh-temeh dan jika ini berterusan, umat Islam akan tertinggal dalam persaingan, katanya.

Majlis hari ini turut dihadiri Timbalan Menteri Kerja Raya Mohamed Khaled Nordin. Pada majlis itu, pegawai dan kakitangan kementerian dijelaskan maksud negara Islam dan isu-isu yang menyelubungi fitnah pembangkang yang sering menggunakan agama untuk menyerang kerajaan.

-- BERNAMA

SLR AHH ZB